

# Budaya membaca penuntut UMS masih rendah

**Stephanie Lee**

KOTA KINABALU: Budaya membaca di kalangan penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) masih lagi rendah walaupun kemudahan perpustakaan disediakan, demikian kata Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon.

"Kami mempunyai semua prasarana yang baik di sini tetapi para pelajar masih belum menerapkan budaya membaca dalam kehidupan harian mereka," katanya semasa majlis penutupan pameran buku UMS pada Jumaat.

Buku-buku, katanya, adalah wadah penting kepada otak untuk mempertingkatkan pengetahuan, sambil menambah bahawa itulah sebabnya kenapa pelbagai usaha sedang dijalankan untuk memupuk budaya membaca di kalangan pelajarnya.

"Kami berharap dengan segala usaha ini, para pelajar akan mulai menyedari kepentingan membaca, dan akan belajar untuk menghargai buku-buku dan ilmu yang

terkandung di dalamnya," katanya.

Pesta buku itu yang diadakan dari 5 hingga 9 April merupakan satu platform bagi pelajar dan pensyarah untuk memperoleh buku-buku akademik yang mereka ingini.

"Ia juga merupakan salah satu daripada cara bagi pensyarah dan penerbit buku untuk menjual buku-buku mereka," kata Kamaruzaman, sambil menambah bahawa pesta buku itu melibatkan sejumlah 11 penerbit buku dan lapan insititut pengajian tinggi di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan agensi kerajaan.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menggesa pensyarah yang ingin menjadi profesor agar mengambil peluang untuk menulis lebih banyak buku ilmiah dalam bidang mereka, atau rencana untuk jurnal impak tinggi di universiti.

"Rencana dalam jurnal impak tinggi dan buku-buku yang berkualiti akan membantu seseorang untuk menjadi profesor dengan lebih cepat, ini

bermaksud, lebih banyak penerbitan berkualiti yang mereka hasilkan, lebih tinggi peluang mereka untuk memperoleh kedudukan yang lebih baik di universiti dan juga masyarakat," tambah beliau.

Sementara itu, ketua pustakawan UMS, Dg Rukiah Amit berkata budaya membaca yang rendah adalah amat nyata di kalangan masyarakat umum di negara ini.

"Berbanding dengan negara-negara maju, orang kita masih belum memandang serius terhadap membaca dan buku," katanya.

"Pelajar hanya membaca apabila perlu, iaitu ketika peperiksaan menjelang tiba, dan ini boleh menyebabkan pemikiran intelek di kalangan orang kita jauh lebih rendah daripada mereka yang berada di negara lain."

"Kreativiti dan inovasi kita akan terbatas dan dalam hal ini, bagaimana negara kita akan bergerak maju?," soal Rukiah.

Beliau menasihati orang ramai terutama penuntut agar membudayakan pembacaan.